



FREQUENTLY ASKED QUESTION (FAQ)

BANTUAN PERSEDIAAN YAYASAN TERENGGANU (BPYT)

Dokumen ini disediakan untuk membantu pemohon memahami terma, syarat, kaedah permohonan dan pembayaran Bantuan Persediaan Yayasan Terengganu (BPYT) dengan lebih jelas dan teratur.

A. MAKLUMAT UMUM BPYT

1. Apakah itu Bantuan Persediaan Yayasan Terengganu (BPYT)?

BPYT ialah bantuan kewangan oleh Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Terengganu untuk menggalakkan pelajar anak Terengganu menyambung pengajian dan meringankan beban kewangan.

2. Apakah objektif utama BPYT?

Untuk membantu pelajar meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi serta menyokong pembangunan pendidikan anak Terengganu.

3. Berapakah jumlah bantuan yang diberikan?

- | | |
|--|-----------|
| i. Sekolah Menengah Terpilih | – RM500 |
| ii. Pra Universiti / Pra Diploma Sains | – RM500 |
| iii. Matrikulasi / Asasi / A-Level | – RM500 |
| iv. Diploma | – RM750 |
| v. Ijazah Sarjana Muda (ISM) | – RM1,000 |
| vi. Ijazah Sarjana (Masters) | – RM1,000 |
| vii. Ijazah Kedoktoran (PhD) | – RM1,000 |
- Tambahan RM300 bagi pengajian di Sabah & Sarawak

B. SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

1. Siapakah yang layak memohon BPYT?

Rakyat Terengganu (salah seorang ibu atau bapa lahir di Terengganu). Ibu/bapa mesti berdaftar sebagai pengundi di Terengganu.

2. Adakah pemohon bukan asal Terengganu tetapi bermastautin boleh memohon?

Ya, boleh dengan syarat telah bermastautin lebih 10 tahun dan mengemukakan surat pengesahan bermastautin.

3. Adakah pelajar separuh masa layak memohon?

Tidak. Permohonan hanya terbuka kepada pelajar sepenuh masa sahaja dan tidak bekerja.

4. Apakah had umur untuk memohon?

Sijil / Diploma / Ijazah / Sarjana – 25 tahun ke bawah.

Ijazah Kedoktoran (PhD) – 30 tahun ke bawah.

C. SYARAT BERKAITAN INSTITUSI PENGAJIAN

1. Adakah semua institusi pengajian IPTA dan IPTS layak memohon?

Ya. Institusi mestilah diiktiraf Kerajaan dan program diiktiraf oleh MQA.

2. Adakah program di bawah JPK (TVET tertentu) layak memohon?

Tidak. Program di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) secara umumnya tidak layak memohon.

3. Berapa kali boleh memohon BPYT bagi setiap peringkat?

Hanya sekali bagi setiap peringkat pengajian.

4. Adakah program pengajian kurang daripada 1 tahun layak?

Tidak. Tempoh pengajian mestilah sekurang-kurangnya satu (1) tahun ke atas.

5. Adakah pengajian tambahan seperti DPLI layak?

Tidak. Program tambahan seperti Diploma Pendidikan Lepas Ijazah tidak layak memohon.

D. PROSES PERMOHONAN

1. Bagaimanakah cara membuat permohonan?

Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian sahaja melalui laman web rasmi Yayasan Terengganu.

2. Bilakah tempoh permohonan dibuka?

Dibuka selama 3 bulan (permohonan boleh dibuat sebulan sebelum sehingga 2 bulan selepas tarikh pendaftaran rasmi di institusi pengajian).

Contoh pengiraan tempoh sah memohon:

Jika pendaftaran adalah pada 1 Februari 2026, permohonan boleh dibuat bermula 1 Januari hingga 31 Mac 2026.

3. Apa berlaku jika permohonan dibuat lewat?

Permohonan lewat akan ditolak dan tidak diproses.

4. Perlukah menghantar dokumen fizikal ke pejabat Yayasan Terengganu?

Tidak. Semua dokumen hanya perlu dimuat naik dalam sistem permohonan sahaja.

5. Apa akan berlaku jika dokumen tidak jelas atau tidak lengkap?

Permohonan boleh ditolak atau dipulangkan untuk dikemaskini dalam tempoh 1 bulan. Jika tidak dikemaskini dalam tempoh sebulan, permohonan akan ditolak secara automatik.

E. SYARAT DOKUMEN SOKONGAN

1. Apakah antara dokumen penting yang perlu dimuat naik?

Antara dokumen utama ialah salinan MyKad pemohon dan ibu bapa, surat tawaran, slip akaun bank, dan daftar pemilih.

2. Adakah dokumen perlu disahkan?

Ya. Semua dokumen perlu disahkan oleh pegawai yang dibenarkan.

3. Adakah had saiz fail untuk dokumen yang dimuat naik?

Ya. Setiap fail tidak boleh melebihi 2MB dan mestilah dalam format JPG/JPEG sahaja.

4. Bolehkah muat naik dokumen dalam format PDF/ZIP atau lain-lain?

Tidak. Hanya format JPG/JPEG sahaja diterima.

F. KAEDAH PEMBAYARAN

1. Bagaimanakah bantuan dibayar kepada pelajar?

Pembayaran dibuat melalui Electronic Fund Transfer (EFT) dan dimasukkan terus ke akaun bank pelajar.

2. Bilakah bayaran akan diterima?

Dalam semester pertama pengajian, maksimum sehingga 6 bulan daripada tarikh kelulusan.

3. Adakah akaun ibu bapa boleh digunakan?

Tidak. Akaun mestilah atas nama pelajar, termasuk pelajar Tingkatan 1 – Sila guna akaun Bank Simpanan Nasional (BSN).

4. Apa akan berlaku jika akaun bank tidak aktif?

Pembayaran akan gagal dan pemohon perlu mengemaskini maklumat akaun.

G. SEMAKAN STATUS, KOMUNIKASI & LAIN-LAIN

1. Bagaimana membuat semakan status permohonan?

Semakan status permohonan boleh dibuat melalui portal yang sama digunakan untuk permohonan.

2. Berapa lama status permohonan boleh disemak?

Sehingga 6 bulan daripada tarikh permohonan.

3. Bagaimana jika tidak menerima emel atau SMS daripada Yayasan Terengganu?

Pemohon digalakkan menyemak emel secara berkala dan memastikan nombor telefon didaftarkan adalah betul.

4. Apakah faktor yang menyebabkan permohonan ditolak?

- i. Dokumen tidak lengkap atau tidak jelas.
- ii. Tidak memenuhi syarat kelayakan.
- iii. Dokumen tidak disahkan.
- iv. Permohonan dibuat diluar tempoh sah 3 bulan.

5. Ke mana boleh diajukan pertanyaan atau aduan?

Sebarang pertanyaan boleh dihantar ke emel rasmi Bahagian Penajaan, Yayasan Terengganu: tajaan@yt.gov.my.